



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	21 FEBRUARY 2017

# Najib bukan penjawat awam, tidak boleh disaman

Um - 21/2/2017

**KUALA LUMPUR 20 Feb.** - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak tidak boleh disaman atas alasan salah laku kerana beliau bukan seorang penjawat awam, sebaliknya merupakan ahli pentadbiran Persekutuan.

Ini berikutan peruntukan Artikel 160(2) Perlembagaan Persekutuan menjelaskan jawatan Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri dan timbalannya serta Setiausaha Politik tidak tergolong dalam takrifan penjawat awam.

“Definisi penjawat awam dalam Kanun Kesenaksaan melalui kes bekas Menteri Besar Selangor, Dr. Mohamad Khir Toyo juga berbeza dengan definisi penjawat awam dalam Perlembagaan Persekutuan. Ia adalah salah untuk membawa definisi itu dalam tuntutan salah laku,” ujar peguam Mohd. Hafarizam Harun yang mewakili Najib.

Hujah tersebut merupakan antara intipati permohonan Ahli Parlimen Pekan itu untuk membatalkan saman oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad dan bekas Naib Ketua UMNO Bahagian Batu Kawan, Datuk Seri Khairuddin Abu Hassan dan bekas

ahli Wanita UMNO Langkawi, Anina Saadudin berhubung dakwaan salah guna kuasa di Mahkamah Tinggi di sini.

Mohd. Hafarizam menjelaskan perkara tersebut kepada pihak media berhubung intipati hujahan yang dikemukakan oleh Tan Sri Cecil Abraham selaku peguam utama Najib di hadapan Hakim Abu Bakar Jais di kamar hakim di sini hari ini.

Selain itu, pihaknya berhujah bahawa saman tersebut wajar dibatalkan kerana Dr. Mahathir, 91; Khairuddin, 55, dan Anina, 42, selaku plaintif pertama hingga ketiga gagal memenuhi elemen yang diperlukan dalam membuktikan berlakunya salah laku dalam kalangan penjawat awam.

“Elemen yang perlu dibuktikan ialah kesalahan dilakukan oleh penjawat awam, perbuatan tersebut telah menyebabkan kecederaan atau mendatangkan mudarat pada seseorang dan dilakukan dengan niat jahat. Selain itu, pihak plaintif juga gagal memplidkan secara terperinci salah laku yang dikatakan dibuat oleh anak guam kami,” jelas peguam itu.